

## **AGENDA 10.3: PERUBAHAN YANG MEMBERI KESAN KEPADA PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT**

### **1. TUJUAN**

Kertas ini adalah bertujuan untuk memaklumkan ahli Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) ISO Universiti Putra Malaysia (UPM) mengenai perubahan yang boleh memberi kesan kepada Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) bagi tempoh 1 Julai 2016 hingga 15 Ogos 2017.

### **2. LAPORAN**

Laporan perubahan yang memberi kesan kepada Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat merangkumi aspek perubahan yang dilihat dari segi penstrukturan organisasi, perubahan terhadap proses kerja melalui teknologi dan inovasi, pelan tindakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM dan sebagainya yang memberi kesan kepada sistem penyampaian perkhidmatan dan pencapaian universiti. Sebanyak **3 perubahan telah dilaksanakan** manakala **2 lagi sedang dalam proses pelaksanaan**. Perincian laporan perubahan yang memberi kesan kepada Sistem Pengurusan Kualiti adalah seperti pada **Lampiran 1**.

### **3. SYOR**

Ahli Mesyuarat MKSP adalah diminta mengambil maklum senarai perubahan yang telah dilaksanakan di UPM yang memberi kesan kepada Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013.

PERUBAHAN YANG MEMBERI KESAN KEPADA PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT | AGENDA 10.3

[BAGI TEMPOH 1 JULAI 2016 – 15 OGOS 2017]

Bil	Perubahan yang Telah Dibuat	Kesan	Status (Tandakan ✓ pada ruangan yang berkenaan)		Catatan
			Telah Dilaksanakan	Sedang Dilaksanakan	
1.	Memperluaskan entiti skop pendaftaran pelajar baharu prasiswazah melibatkan UPM Kampus Bintulu (UPMKB).	<ol style="list-style-type: none"> <li>Melancarkan aktiviti pendaftaran pelajar baharu UPMKB dengan jaminan maklumat pelajar diurus dengan penuh kerahsiaan, integriti dan ketersediaan.</li> <li>Mengelak wujudnya pendaftaran oleh pelajar yang tidak sah.</li> </ol>		✓	Pendaftaran Pelajar: <ol style="list-style-type: none"> <li>Diploma (5 Jun 2017) UPMKB</li> <li>Pra siswazah (6 September 2017)</li> </ol>
2.	Melaksanakan pra pendaftaran pelajar baharu melalui aplikasi <i>online</i> eDaftar.	<ol style="list-style-type: none"> <li>Meningkatkan integriti dalam pengurusan maklumat pelajar</li> <li>Mempercepatkan proses pendaftaran dengan mengurangkan 2 kaunter daripada 6 sebelumnya.</li> </ol> <p>Nota: Kaunter Bendahari dan Kaunter PKU telah dikeluarkan.</p>		✓	Telah dilaksana pada: <ol style="list-style-type: none"> <li>1 Jun 2017 untuk Pelajar Asasi Sains Pertanian UPM</li> <li>5 Jun 2017 untuk Pelajar Diploma UPMKB</li> </ol> <p>Akan dilaksana pada Sesi Kemasukan 2017/2018 pada 6 September 2017 untuk Pelajar Bachelo di UPM (Kampus Serdang dan Bintulu).</p>
3.	Membenarkan pentadbir sistem mencapai aplikasi dari luar pusat data dengan selamat dan terkawal.	Mempercepatkan proses penyelenggaraan aplikasi oleh pentadbir sistem.	✓		Dilaksanakan bermula Julai 2016.

PERUBAHAN YANG MEMBERI KESAN KEPADA PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT | AGENDA 10.3

[BAGI TEMPOH 1 JULAI 2016 – 15 OGOS 2017]

Bil	Perubahan yang Telah Dibuat	Kesan	Status (Tandakan ✓ pada ruangan yang berkenaan)		Catatan
			Telah Dilaksanakan	Sedang Dilaksanakan	
4.	<p>Menambahbaik pelaporan proses penilaian risiko melalui Sistem MyRAM (<i>The Malaysian Public Sector Information Security Risk Assessment System</i>) dimana strategi pelaporan penilaian risiko yang berasaskan setiap proses ditukar kepada berasaskan setiap skop seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (UPM Serdang)</li> <li>ii. Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (UPM Bintulu)</li> <li>iii. Pusat Data</li> </ul>	Laporan akhir penilaian risiko ISMS dapat diselaraskan mengikut peneraju proses.	✓		Telah dilaksanakan melalui penilaian risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) pada April 2017.
5.	Menambahbaik kemudahan bilik perbincangan untuk menguruskan sebarang krisis atau bencana kepada Pusat Data	Membangunkan Bilik Krisis Pusat Data.	✓		Bilik Krisis Pusat Data sudah boleh digunakan bermula Julai 2017.